

ISTIADAT KEDIM ADAT DAN KEDIM ADAT PUSAKA REMBAU

Paduka Tuan Rusli Hj. Othman

Objektif

Tujuan rencana ini adalah untuk memberikan gambaran serta memaparkan secara ringkas kepada Dato'-Dato' Lembaga, Orang Besar Undang, Buapak dan Besar Waris / Belingkong tentang cara-cara untuk melaksanakan Adat Istiadat Kedim Adat dan Kedim Adat Pusaka. Ramai di kalangan pembesar-pembesar adat tidak mengetahui lebih mendalam akan perkara tersebut.

Keahlian Secara Dikedimkan

Kedim yang dimaksudkan ialah *saudara* dalam organisasi keluarga. Keluarga yang paling dekat boleh memberikan keputusan dalam keluarga tersebut. Sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan oleh sesuatu keluarga mestilah dimaklumkan kepada kedim. Selalunya orang hendak dikedimkan untuk dijadikan anak angkat sebagai anak sendiri. Orang yang hendak dikedimkan selalunya ialah perempuan kerana keluarga tersebut tidak mempunyai anak perempuan (zuriat) untuk menjaga Ibu bapa pada masa tua dan sebagai pewaris harta pusaka keluarga.

Dalam Adat perpatih ada 2 kategori kedim iaitu:

1. *Kedim Adat*
2. *Kedim Adat dan Pusaka*

Kedim Adat

Kedim Adat ini lebih rendah tarafnya ataupun kedudukan daripada Kedim Adat dan Pusaka. Orang yang dikedimkan adat hanya boleh mengikut adat

istiadat sahaja. Contohnya dalam upacara nikah kahwin, mas kahwinnya sama dengan ahli-ahli suku ia dikedimkan. Mengikut konsep tersebut dia juga ada hak anak mendapat perlindungan seperti ahli-ahli suku yang lain. Pendek kata, *sakit dibela, mati ditanam*.

Upacara Kedim Adat hanya perlu diketahui oleh Lembaga sahaja dan dimaklumkan kepada Undang. Kebiasaan Upacara Kedim Adat pada lelaki yang ingin memasuki lingkungan adat dengan berkahwin dengan perempuan adat. Pada upacara Kedim Adat semua keluarga yang berkaitan perlu hadir sama terutamanya keluarga yang menerima kedim. Turut hadir sama dalam upacara tersebut Buapak bagi suku berkenaan, persetujuan ataupun kebulatan daripada semua pihak mestilah seia sekata dengan tidak ada yang menentang.

Apabila semua pihak bersetuju (kebulatan) maka Dato' Lembaga akan membuat pengisytiharan serta beliau akan menandatangani surat kedim sebagai pengesahan bahawa orang berkenaan telah menjadi suku yang dikedimkan. Dalam upacara tersebut pihak keluarga yang menerima Kedim Adat perlu membuat sedikit kenduri. Seandainya orang yang dikedimkan orang dewasa maka adalah tanggungjawab kenduri tersebut sama ada kecil ataupun besar, bergantung kepada bilangan ahli-ahli keluarga berkenaan. Orang dewasa yang dikedimkan dikenakan bayaran. Sekiranya budak yang dikedimkan keluarga yang menerima kedim akan dikenakan bayar. Wang tersebut sebanyak RM 7.20 mestilah dibayar kepada Dato' Lembaga, Buapak dan Besar seperti berikut:

- | | |
|---------------------|-----------|
| 1. Dato' Lembaga | - RM 3.60 |
| 2. Buapak dan Besar | - RM 3.60 |

Baki dibahagikan antara Buapak dan Besar.

Kedim Adat dan Pusaka

Kedudukan Kedim Adat dan Pusaka tarafnya lebih tinggi daripada Kedim Adat. Sekiranya seorang perempuan dikedimkan maka beliau berhak mewarisi harta pusaka suku tersebut manakala jika lelaki yang dikedimkan beliau berhak menyandang pusaka yang dijunjung iaitu gelar yang terdapat pada suku tersebut serta berhak mendapat seperti orang yang dikedimkan dengan Kedim Adat.

Pada kebiasaan Kedim Adat dan Pusaka ini dilakukan kepada anak perempuan yang dijadikan anak angkat itu diambil semasa kecil lagi dan dibintikan bapa angkat (selalunya diambil anak bangsa lain). Pengambilan anak

angkat perempuan adalah kerana mereka tidak mempunyai zuriat untuk menjaga ibu bapa semasa tua serta mewarisi harta pusaka.

Upacara Kedim Adat dan Pusaka mestilah dihadiri oleh *Undang, Dato' Lembaga, Buapak dan Besar serta waris kedua-dua keluarga*. Apabila semua bersetuju (kebulatan) dengan tidak ada yang menentang maka *Undang akan mengisytiharkan perkediman*. Hebahkan dilambangkan:

*Darah Dicecah
Doa Ditampung
Sumpah Dilabuh
Quran Dijunjung*

Selain daripada pengisytiharan tersebut satu Surat Perjanjian akan ditandatangani oleh orang berkenaan dengan disaksikan oleh semua yang hadir. Dengan itu orang tersebut telah disahkan menjadi saudara dan keluarga kepada yang mengambilnya sebagai anak angkat.

Bagi pihak yang dikedimkan mestilah menyediakan seekor kerbau, beras 50 gantang, kelapa 50 biji dan segala alat untuk kenduri. Selain itu dia juga mestilah membayar wang sebanyak dua bahara (nilai wang lama). Satu bahara dikehendaki diberikan kepada Undang dan satu bahara lagi dibahagi-bagikan di kalangan Dato' Lembaga dan Buapak.

Selesai upacara tersebut maka sahlah orang berkenaan telah menjadi ahli suku serta berhak atas segala-gala yang dinikmati oleh ahli-ahli yang lain termasuk harta pusaka serta pusaka yang dijunjung. Pendek kata taraf (kedudukan) beliau dalam suku tersebut diibaratkan:

*Tegak Sama Tinggi
Duduk Sama Rendah
Melipat Sama Patah
Menyerudup Sama Bongkok
Berat Sama Dipikul
Ringan Sama Dijinjing*

Manakala di Luak Rembau pula Kedim Adat dan Pusaka ini telah lama dimansuhkan oleh YTM Dato' Lela Maharaja Hj. Ipap Bin Abdullah iaitu Dato' Undang Luak yang ke-19. Kebawah Kaus YTM Dato' Undang mengambil pendekatan tersebut dengan bersabda bahawa jika dibenarkan upacara tersebut (Kedim Adat Dan Pusaka) diteruskan sudah tentu lebih ramai kalangan bangsa

asing akan masuk di dalam Lingkungan Adat maka dengan itu harta pusaka akan jatuh ke tangan mereka. Kebiasaan yang dikedimkan adalah anak bangsa asing terutama bangsa Cina.

PENUTUP

Di sini apa yang ingin saya nyatakan kepada Dato'-Dato' Lembaga, Orang Besar Undang, Buapak-Buapak serta Besar Waris / Belingkong bahawa betapa mustahaknya seseorang yang memegang Adat dan menjunjung Pusaka yang bergelar perlu mengetahui akan Adat Perpatih khasnya di Luak Rembau (Adat Rembau) sebagai warisan nenek moyang kita untuk memperjuangkan Adat Perpatih jangan sampai terkubur ataupun hanya tinggal kenangan bagi generasi akan datang. Kita perlu memberikan satu suntikan atau pendedahan kepada generasi sekarang bagi kesinambungan Adat Perpatih kekal untuk selama-lamanya, disanjung tinggi di dunia. Intipati adat perlu dicari dan janganlah ghairah dengan kedudukan atau jawatan yang disandang semata-mata.

Nota:

Bahara ialah nilai wang lama. Sekarang satu bahara bernilai RM 24.00. Sebelum Undang Datuk Abdullah nilai satu bahara ialah RM 14.00 dan Undang Datuk Abdullah telah menaikkan nilai bahara itu semasa pemerintahan beliau.